



WAKILISAN

KDN 7890



KELUARAN 19, 1995  
JURNAL PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

## KANDUNGAN

|  |    |
|--|----|
| Kata-Kata Aluan oleh YAB. Dato' Seri Utama Tan Sri Haji Mohd. Isa bin Dato' Haji Abdul Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus | 3  |
| Kata-Kata Aluan oleh Tuan Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan Darul Khusus   | 4  |
| Kata-Kata Aluan oleh Tuan Haji Mohamed Hisa Tahat, Ketua Pengarang Jurnal WARISAN  | 5  |
| Ahli Jawatankuasa Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan.  | 6  |
| 1 Lawatan Penyelidikan Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan ke India Selatan.  | 7  |
| 2 Kewujudan Agama Hindu Dan Sistem Kasta Dalam Masyarakat India, di India.   | 15 |
| 3 Pengislaman Penduduk Negeri Sembilan Kaitannya Dengan India  | 22 |
| 4 Institusi Raja Dan Keluarga Diraja Negeri Sembilan   | 28 |
| 5 Muzik Tradisional India  | 64 |
| 6 Sejarah Gemas  | 86 |



**DATO' SERI UTAMA TAN SRI  
HAJI MOHD ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD**  
SPNS., PSM., DSNS., PMC  
**Menteri Besar Negeri Sembilan**

PEJABAT MENTERI BESAR  
TINGKAT 5B, WISMA NEGERI  
70502 SEREMBAN



## MENGIMBAS WARISAN SEJARAH KUNO

*W*saha berkesinambungan menerbitkan Jurnal Warisan Kelolaan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan dengan menonjolkan pertalian sejarah masyarakat Islam dan wilayah asing pastinya memberikan manfaat kepada pencinta sejarah sekalian.

Wajar sekali imbasan dan kupasan ini dibuat dengan harapan agar kecenderungan untuk menoleh kembali kepentingan sejarah kuno dalam proses kehidupan hari ini mendatangkan kebaikan kepada kita semua.

Perhubungan dengan Wilayah India sebagai contoh bukanlah sekadar di bidang ekonomi, budaya dan pengaliran tenaga buruh sahaja tetapi merangkumi perkongsian di bidang agama khususnya Islam.

Asas-asas keagamaan yang diperkembangkan melalui kaedah mubaligh dan saudagar ternama di era tersebut telah mencetuskan semangat keakraban yang padu di kalangan kepimpinan dan masyarakat tempatan.

Semoga segala pengumpulan bahan dan fakta yang didatangkan dari tanah asing di samping bahan-bahan tempatan yang terkini dan mutakhir akan memperlengkapkan lagi "significant" dan fungsi sejarah dalam episod perjuangan bangsa masakini.

Salam Hormat.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Hj. Mohd. Isa" followed by "Dato' Hj. Abdul Samad". The signature is written over a diagonal line.

(Dato' Seri Utama Tan Sri Hj. Mohd. Isa b. Dato' Hj. Abdul Samad)



## PENGARAH PENDIDIKAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

### KATA-KATA ALUAN

 Yukur Alhamdulillah, seperti yang dijanjikan penerbitan Jurnal Warisan Ke-19 berjaya dihasilkan. Penerbitan kali ini memuatkan empat artikel mengenai India Selatan yang dihubungkaitkan dengan Sejarah Nusantara secara umum dan sejarah Negeri Sembilan secara khusus iaitu hasil daripada Lawatan Penyelidikan Jawatankuasa PSMCNS ke Selatan India pada bulan Ogos 1994.

Adalah diharapkan usaha-usaha untuk menonjolkan pertalian sejarah Masyarakat Islam dan Wilayah Asing serta pengumpulan bahan dan fakta dari Tanah asing akan diteruskan melalui program-program Lawatan Penyelidikan oleh Ahli-ahli PSMCNS di semua peringkat sebagai wadah penulisan penerbitan Jurnal yang akan datang.

Ruangan 'Lorekan Remaja' pada penerbitan kali ini merupakan hasil penulisan tiga orang pelajar Sek. Men. Tuanku Abdul Rahman, Gemas, yang telah memenangi Tempat Pertama dalam Pertandingan Penulisan Kajian Sejarah Tempatan Sekolah Menengah Rendah 1995, anjuran Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia. Diucapkan syabas dan setinggi tahniah. Adalah diharapkan hasil penulisan kali ini dapat menyumbang ke arah usaha untuk menambah koleksi khazanah sejarah tanah air.

Akhir kata, kepada saudara-saudara penulis dalam 'Warisan' keluaran ini, diucapkan syabas, setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih. Seterusnya 'Warisan' memerlukan sokongan berterusan daripada setiap individu yang cintakan sejarah, bangsa dan negara, khasnya Sejarah Negeri Sembilan.

Sekian.

**Khamis bin Noye**

Merangkap Pengurus Jawatankuasa Kerja PSM  
Cawangan Negeri Sembilan



## PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

DARI MEJA KETUA PENGARAH

*M*hamdulillah sekali lagi "Warisan" dilahirkan untuk keluaran kali ke 19. Sebagaimana yang telah dijanjikan "Warisan" kali ini mempaparkan rencana-rencana utama berkaitan dengan sejarah dan budaya orang-orang India Selatan. Penulisan-penulisan ini ditulis adalah berdasarkan bacaan, pemerhatian dan sedikit sebanyak kajian yang telah dilakukan oleh penulis-penulis hasil daripada lawatan mereka ke India Selatan anjuran Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan pada tahun 1994.

Lawatan tersebut dibuat dengan tujuan untuk mengenal lebih dekat lagi asal-usul sejarah dan budaya kaum India yang datang beramai-ramai ke Tanah Melayu pada awal kurun ke 20, berakar umbi dari Selatan India. Penulisan-penulisan ini diarakamkan supaya para pembaca dapat bersama-sama lebih mengenali masyarakat kaum India yang merupakan kaum ketiga ramainya di negara kita ini.

InsyaAllah dalam keluaran yang akan datang 'Warisan' akan memuatkan pula penulisan-penulisan mengenai sejarah, budaya dan perkembangan Islam di Negara China. Apakah keunikan dan rohsia bangsa yang pernah mewarisi salah satu tamadun yang tertua dan unggul di dunia. Sama-sama kita tunggu terbitan 'Warisan' ke 20 nanti.

Dalam segmen 'Lorekan Remaja' kali ini dimuatkan pula dengan penulisan Sejarah Tempatan yang telah memenangi hadiah pertama peringkat Kebangsaan bertajuk 'Sejarah Gemas' oleh kumpulan pelajar-pelajar Tingkatan Dua dari Sekolah Menengah Tuanku Abdul Rahman Gemas.

Terima Kasih

**Mohd. Hisa bin Tahat**

Ketua Pengarang Jurnal Warisan PSM Cawangan Negeri Sembilan

**JAWATANKUASA PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS 1995-1996**

**Yang Di Pertua**

Dato' Seri Utama Tan Sri Haji Mohd. Isa bin Dato' Haji Abdul Samad  
SPNS., PSM., DSNS., PMC  
*Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus*

**Naib Yang Di Pertua**

Encik Khamis bin Noyo, AMN., PPT., ASDK., ADK  
*Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan Darul Khusus*

**Setiausaha Kehormat**

Tuan Haji Ismail bin Abdul Hadi, KMN., AMN., PMC., PJK

**Penolong Setiausaha Kehormat**

Encik Mahadi bin Abdul Rahman, PJK

**Bendahari**

Encik Tilak Raj Sharma, PJK

**Ketua Pengarang**

Tuan Haji Mohd. Hisa bin Tahat, PMC., PJK

**Ahli-Ahli Jawatankuasa**

Tuan Haji Hisham bin Haji Omar, AMN., PPT., PJK  
Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Mohd. Rais, AMN., ANS., PMC., PJK  
Tuan Haji Hussin bin Salleh, PMC  
Tuan Haji Lajis bin Achil, PMC., BKT  
Tuan Haji Sudin bin Kamari, AMN., PMC., PJK

**SIDANG REDAKSI WARISAN KE-19**

**Pengerusi**

Tuan Haji Hisham bin Haji Omar

**Ketua Pengarang**

Tuan Haji Mohd. Hisa bin Tahat

**Editor**


Tuan Haji Ismail bin Abdul Hadi

Puan Hajjah Zaini Omar

Tuan Haji Mohd. Misan bin Maslor

**Setiausaha**

Encik Mahadi bin Abdul Rahman



**SEJARAH GEMAS  
(Ruangan Lorekan Remaja)**

*Oleh:*

**NORASMAH BTE. KAMANI  
NORSHAFARIN BT. JAMALUDIN  
CHAN CHEE CHYN  
Sekolah Menengah Tuanku Abdul Rahman,  
Gemas**

*(Hadiah Pertama Pertandingan Penulisan Sejarah Tempatan  
Sekolah-Sekolah Menengah Peringkat Kebangsaan 1995)*

## LOKASI DAN LATAR BELAKANG GEMAS


### Lokasi Gemas



Gemas adalah sebuah pekan kecil yang terletak di bahagian tenggara Negeri Sembilan Darul Khusus. Ia bersempadan dengan Negeri Johor Darul Takzim dan dipisahkan oleh Sungai Gemas. Ia merupakan sebuah jaringan keretapi utama yang menghubungkan bahagian utara, selatan dan pantai timur Semenanjung Malaysia.

### Latar Belakang Gemas

Gemas adalah sebuah pekan yang berorientasikan pertanian sebagai sumber ekonominya. Sifatnya sebagai pekan pendalaman menyebabkan ia lambat



Peta menunjukkan jaringan Keretapi Gemas

berkembang dari segi kependudukan dan pekerjaan. Tambahan pula terdapat persaingan hebat daripada bandar-bandar yang berdekatan seperti Tampin (di Utara), Bahau (di Timur) dan Segamat (di Selatan).

Keistimewaan Gemas ialah ia merupakan tempat persimpangan landasan keretapi ke Pantai Barat, Pantai Timur dan ke Selatan Semenanjung Malaysia. Oleh itu ramai pekerja Keretapi Tanah Melayu (KTM) tertumpu di Pekan Gemas ini. Semenjak pertengahan tahun 1960-an dan 1970-an, dengan wujudnya Rancangan-rancangan FELDA di sekitar kawasan Gemas, maka pekan Gemas ini mula berkembang. Ini terbukti dengan terbinanya beberapa buah sekolah rendah dan menengah di sekitar pekan ini. Dari segi perbandaran, didapati pekan ini kurang berkembang sehingga hari ini kerana cuma terdapat beberapa deret bangunan batu yang didirikan setakat ini.

Disekitar pekan ini terdapat beberapa buah taman perumahan seperti Taman Gemas, Taman Muris, Taman Sentosa, Taman Gemas Jaya, Kampung Bukit Masjid dan lain-lain yang dapat menampung penduduk yang lebih ramai. Kini terdapat pelbagai jenis peluang pekerjaan di pekan ini di samping Gemas telah diiktiraf sebagai Daerah Kecil.

Penduduk Gemas menceburkan diri dalam pelbagai jenis pekerjaan seperti pertanian, perniagaan, bidang swasta, kakitangan awam kerajaan, pekerja kilang papan, peneroka Felda dan sebagainya. Dilinjau dari segi komposisi penduduknya, didapati majoriti penduduk Gemas adalah terdiri daripada kaum Melayu, disusuli oleh kaum Cina dan India. Kebanyakan orang Melayu tinggal di kawasan Felda manakala orang Cina pula menguasai ekonomi dan menetap di kawasan pekan. Sementara itu, kebanyakan orang India pula tinggal di estet-estet yang terletak berhampiran dengan pekan Gemas. Sesetengah mereka pula mengusahakan tanah rancangan Felda yang terdpat di Jelai dan Palong serta Sg. Kelamah.

## **SEJARAH PEMBUKAAN GEMAS**

Gemas diperlakukan dibuka pada sekitar tahun 1900. Ia diasaskan oleh seorang pahlawan Melayu bernama Tok Subun yang berasal dari Melaka. Tok Subun ialah seorang pahlawan yang gagah perkasa, mahir dalam ilmu silat serta disegani oleh penduduk Gemas. Tujuan beliau datang ke Gemas ialah untuk membuka sebuah ladang. Kebanyakan penduduk pada masa itu ialah orang-orang asli yang berketurunan "kenaboi".

### **Tujuan Pembukaan Gemas**

Gemas dibuka kerana kedudukannya sesuai sebagai tapak perhentian keretapi yang menjadi persimpangan dari timur, barat, utara serta keselatan. Pada masaitu, Gemas

juga terkenal dengan depot baik pulih kepala keretapi yang ditempatkan di Bukit Loco yang masih ada sehingga sekarang. Di samping itu, Gemas juga penting sebagai tempat perniagaan dan persinggahan.

### **Asal-usul Nama Gemas**

Gemas dianggarkan berusia lebih kurang 100 tahun. Menurut hasil temu-ramah kami, terdapat beberapa cerita mengenai asal usul nama Gemas. Antaranya adalah seperti berikut:

#### **Paya Akar**

Sebelum Gemas dibuka, ia dikenali dengan nama "Paya Akar". Ini adalah kerana di tempat berhampiran dengan Bukit Loco terdapat beberapa kawasan paya. Kawasan paya ini pula dipenuhi dengan pokok ara yang lebat akarnya.

#### **Ayer Terap**

Sebelum berlakunya Perang Dunia Pertama, nama Gemas digelar sebagai Ayer Terap. Nama ini berasal daripada sejenis pokok terap yang mengeluarkan cecair atau lendir. Tambahan pula di kawasan tersebut terdapat banyaknya pokok terap yang juga merupakan tempat pembiakan nyamuk. Walaupun kini namanya telah digantikan dengan nama lain, tetapi orang-orang tua masih mengingatinya.<sup>(1)</sup>

#### **Gold + Emas = Gemas**

Semasa pemerintahan British, nama Ayer Terap tersebut telah digantikan dengan Gemas. Mengikut cerita yang diperolehi, lebih kurang sepuluh batu dari Gemas terdapat banyak longgokan emas di bawah tanah. Pihak British ingin mendapatkan emas itu, tetapi sebelum menjalankan aktiviti pengorekan, mereka tidak mengadakan upacara penyembahan "Momok" yang disuruh oleh bomoh. Tindakan British itu menyebabkan kemarahan "Momok" lalu memindahkan longgokan emas itu ke tempat lain. Perkataan emas di tambah huruf 'G' bermakna marah, ia boleh dikatakan sebagai emas tak dapat tetapi telah menyebabkan Momok marah.

. Sebilangan orang sumber pula menyatakan bahawa nama "Ayer terap" digantikan dengan "Gemas" semasa kerajaan British menyuruh pekerja-pekerja India dan Melayu menggali terowong untuk menempatkan kepala keretapi. Beberapa orang pekerja terjumpa ketulan emas lalu menyerahkannya kepada Pegawai British yang bertugas. Pegawai British itu menamakannya sebagai "Gold" manakala buruh Melayu pula menyatakan bahawa ia adalah "Emas". Akhirnya mereka pun menggabungkan kedua-dua nama itu kepada "Goldmas". Lama-kelamaan nama itu telah dipendekkan menjadi "Gemas".

## PERKEMBANGAN GEMAS

Semasa Gemas diwujudkan sumber ekonominya hanya bergantung kepada bidang pertanian. Sumber pertanian itu adalah dari hasil tanaman dan ternakan penduduk-penduduk tempatan. Setelah beberapa buah kilang papan dan deretan kedai dibina, barulah penduduk Gemas semakin hari semakin giat dalam bidang perniagaan. Di samping itu, Gemas juga penting sebagai pusat pengumpulan hasil-hasil pertanian dan kayu-kayan. Hasil-hasil tersebut lazimnya akan dieksport melalui pengangkutan yang ada.

### Perbandingan aspek ekonomi Gemas dahulu dan sekarang.

Struktur kedai dahulu adalah berbeza dengan struktur kedai sekarang. Antara ciri-ciri perbezaannya yang ketara yang dapat dilihat ialah bilangan kedai yang didirikan. Dahulu cuma terdapat sederet kedai papan di sepanjang Jalan Lintang dan Jalan Mahkamah. Kini, kedai-kedai tersebut adalah jauh lebih moden dan dibina secara bertingkat-tingkat. Contohnya ialah Bangunan Lim Chin Moh yang terletak di Pekan Gemas sekarang. Ia merupakan satu-satunya bangunan bertingkat empat yang tersergam indah di Pekan Gemas. Selain daripada itu, pada tahun lepas (1994) banyak kedai-kedai batu bertingkat dua didirikan di sepanjang jalan besar menghala ke Segamat dan terletak di sempadan antara Johor dan Negeri Sembilan. Bangunan kedai lama diperbuat daripada papan dan beratap nipah berlainan dengan bangunan kedai sekarang yang diperbuat daripada batu dan beratap genting yang dapat menampung lebih ramai pelanggan yang ingin membeli dalam satu masa dengan keluasan yang lebih besar.

Ditinjau dari segi kedai pula, didapati kedai yang terdapat pada masa dahulu adalah kecil dan kebanyakannya merupakan kedai runcit yang menjual barang-barang rruji dan keperluan harian. Banyak kedai-kedai pondok [warung] didirikan untuk menyajikan makanan dan minuman kepada para petani, peladang dan pelajar-pelajar yang tinggal jauh dari sekolah serta penoreh-penoreh getah. Tetapi sekarang telah didirikan restoran yang menjual pelbagai minuman dan makanan yang menawarkan hidangan yang beraneka dan lazat pula. Restoran yang didirikan ini juga menyediakan kemudahan tempat makan yang jauh lebih selesa dengan memberikan perkhidmatan "air cond", kipas dan dilengkapi dengan set karaoke.

Ruang atau kawasan pasar dahulu adalah sangat sempit dan hanya menjual sayur-sayuran daripada hasil tanaman dari penduduk tempatan. Berbanding dengan sekarang ruangnya adalah agak besar dan dapat menampung lebih ramai orang. Pasar kini juga menjual bermacam jenis makanan basah dan orang ramai dapat membuat pilihan. Jika dahulu hasil tanaman dan ternakan sendiri yang dijual di pasar tetapi ia sudah maju dengan mengimport barang dari luar negeri.

Penduduk tempatan juga memerlukan barang-barang runcit untuk keperluan mereka. Oleh itu terdapat beberapa kedai runcit yang menjual barang secara kecil-kecilan kerana susah untuk mendapat bekalan sekadar untuk keperluan sehari-hari. Tetapi sekarang penduduk Gemas sudah dapat menikmati kemudahan untuk membeli barang keperluan di kedai-kedai mini (mini market) yang juga menjual pelbagai jenis barang yang terdapat di- bandar-bandar besar. Pada awal bulan Oktober 1995, sebuah lagi kedai 'mini market' dibuka di Pekan Gemas.

### Aspek Sosial

Penekan dari aspek sosial dilihat dari sudut infrastruktur. Jika ditinjau dari segi bekalan air, didapati penduduk dahulu mendapatkan air dari sungai, kolam atau perigi yang digali. Penduduk yang lebih berkemampuan pula akan membeli pam untuk mendapatkan air dengan cara yang lebih mudah dan cepat. Kini, banyak perubahan yang ketara berlaku semenjak tertubuhnya sebuah jabatan yang disediakan khas untuk memberi perkhidmatan bekalan air kepada penduduk iaitu Jabatan Bekalan Air (J.B.A). Air yang disediakan ditapis dan kemudiannya disalurkan ke semua kawasan kediaman melalui paip-paip yang disediakan di setiap rumah.

Dari segi bekalan elektrik pula, didapati penduduk Gemas dahulu amat bergantung kepada lilin, pelita atau kabaid sebagai bekalan cahaya. Penduduk yang lebih berkemampuan pula akan menggunakan mesin jangkuasa (generator). Kini, penduduk Gemas harus bersyukur dan berasa berbangga dengan adanya sebuah jabatan elektrik (Tenaga Nasional Berhad) yang bertanggungjawab mengawasi bekalan elektrik yang disalurkan ke rumah-rumah.

Dari segi sistem jalan raya pula, didapati pada masa dahulu kebanyakan kawasan di Gemas diliputi hutan belukar. Oleh itu penuduk terpaksa menggunakan jalan tanah merah ataupun denai untuk berhubung atau pergi ke sesuatu tempat. Jalan ini didapati sempit dan sunyi. Berbanding sekarang sistem jalan raya yang jauh lebih baik telah memudahkan perhubungan penduduk. Penduduk boleh menggunakan untuk sampai ke destinasi yang dituju dengan lebih cepat. Satu jabatan khas telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan kerosakan jalan raya.

Dari segi perkhidmatan pengangkutan pula, didapati pada masa dahulu cuma terdapat perkhidmatan bas, keretapi dan teksi. Perkhidmatan bas disediakan oleh Syarikat Lian Lock yang membekalkan bas bersaiz kecil yang dapat menampung 15 orang penumpang sahaja. Perkhidmatan bas ini dijalankan selang 4 jam sekali. Ini disebabkan sistem jalan raya yang kurang baik dan faktor kekurangan bilangan penumpang. Jadi, tidak hairanlah jika penduduk terpaksa menyelusup masuk ke hutan atau jalan denai untuk ke destinasi mereka.

Sistem pengangkutan sekarang adalah jauh lebih maju. Ini disebabkan sebuah bas boleh membawa lebih kurang 40 orang penumpang. Kekerapan perkhidmatannya pula ialah selama 1 jam sekali dan kadang kala 1/2 jam sekali. Apa yang membanggakan kami ialah Syarikat Bas Mara Holding telah memberikan perkhidmatan bas ekspres ke destinasi yang lebih jauh seperti Kuala Lumpur, Seremban dan Segamat. Kemudahan tandas turut disediakan dan keadaan tempat duduknya adalah jauh lebih selesa.

Dilihat di stesen keretapi pula, dahulu cuma ada beberapa landasan dan sebuah platform serta sebuah pondok tiket. Kini, kaunter tiket yang lebih besar dan berhawa dingin telah disediakan dan dihias dengan cantik. Juga terdapat dua buah kantin yang lebih besar dan sesuai untuk para penumpang dan kakitangan-kakitangan KTM.

### **Dari Segi Perkhidmatan Lain**

Antara perkhidmatan lain yang turut disediakan semenjak dahulu hingga kini ialah sekolah, klinik, telefon, balai polis, balai bomba, rumah rehat, pejabat pos, panggung wayang dan perhentian bas. Pada masa dahulu sekolah adalah berbentuk pondok yang bertujuan untuk mengaji dan mendapatkan ilmu pengetahuan. Pelajaran yang disampaikan hanya berdasarkan pengetahuan asas sahaja. Jika seseorang maju dalam bidang pelajaran, mereka boleh belajar disekolah Inggeris iaitu Gemas English School yang ditubuhkan di sekitar 1940-an. Yuran yang tinggi dikenakan. Tetapi sekarang semuanya telah berubah. Tujuh buah sekolah batu dan beringkat dua telah didirikan. Antaranya Sek. Men. Tuanku Abdul Rahman, Sek. Men. Gemas, Sek. Men. Jelai (F), Sek. Men. Pasir Besar dan lain-lain lagi. Sekolah-sekolah ini dilengkapi dengan segala kemudahan fizikal seperti meja, kerusi, pinjaman buku teks dan lain-lain.

Klinik ialah salah satu lagi perkhidmatan yang diwarisi sejak dahulu lagi. Dahulu klinik hanya ditubuhkan di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk seperti bandar atau pekan. Semua pesakit dikumpulkan di satu-satu bahagian yang sedia ada kerana kekurangan kakitangan dan peralatan kesihatan. Sekarang klinik telah mengalami beberapa perubahan. Ia diperbesarkan dan dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu bahagian pergigian, bahagian pesakit luar dan bahagian ibu mengandung.

Dahulu pondok-pondok telefon hanya dibina di tempat-tempat tertentu sahaja. Sesiapa yang hendak menggunakan mestil memusingkan nombornya supaya dapat bercakap. Sekarang kita boleh mendapat telefon di setiap sudut jalan raya. Kita hanya perlu menekan nombor jika hendak membuat panggilan. Sebuah jabatan ditubuhkan untuk bertanggungjawab tentang telefon iaitu Jabatan Telekom.

Jika terdapat kebakaran pada masa dahulu, hanya terdapat sebuah van yang bertugas sebagai kereta bomba dan pekerja di balai bomba hanya terdapat lima atau enam orang sahaja. Balai bomba sekarang mempunyai sebuah kereta bomba yang

besar dan dilengkapi dengan peralatan keselamatan. Ia juga mempunyai tangga dan siren. Terdapat beberapa buah rumah di tepi balai bomba sebagai asrama pekerja-pekerja yang tinggal jauh dari tempat kerja.

Pada masa dahulu balai polis berbentuk pondok kecil sekadar untuk menampung sebilangan kecil anggota polis yang bertugas. Balai polis sekarang adalah diperbuat daripada batu-bata dan dilengkap dengan lokap, gelanggang badminton, tempat untuk melapor dan asrama. Senjata yang digunakan adalah lebih moden dan canggih. Ramai anggota polis termasuk perempuan dan lelaki yang terlatih bertugas di sini sekarang.

Tempat untuk berahat atau menginap pada masa dahulu hanya sebuah rumah kampung yang diperbuat daripada papan. Kawasan sekelilingnya biasa sahaja. Keadaannya banyak berubah setelah tempat tersebut diberi nama rumah rehat pada masa sekarang. Kawasannya telah diperbesarkan dan dilengkap dengan tandas dan restoran. Persekutuarannya kelihatan kemas dan cantik. Terdapat juga beberapa pondok rehat yang kecil di luar rumah rehat.

Dahulu pejabat pos hanya merupakan sebuah rumah papan yang serba kekurangan. Untuk menghantar surat-surat, posmen terpaksa berjalan kaki atau menggunakan basikal. Segalanya telah berubah sekarang. Sebahagian besar bangunan lama ini telah digantikan dengan batu bahagian depan dilengkap dengan sebuah taman mini. Van kecil dan motor disediakan untuk menghantar surat-surat ataupun bungkusannya oleh posmen.

Panggung wayang atau pawagam telah diperkenalkan di sini pada tahun 1903-an. Ia merupakan satu-satunya tempat hiburan bagi penduduk Pekan Gemas. Walaupun ia sudah ditutup tetapi beberapa kedai menyewa pita rakaman video telah tumbuh dengan kadar yang cepat sebab hari bagaiman cendawan yang tumbuh selepas hujan. Penduduk-penduduk di Pekan Gemas boleh menyewa pita rakaman video di situ dan menontonnya di rumah.

## PERISTIWA-PERISTIWA PENTING YANG BERLAKU DI GEMAS

### Serangan Jepun ke atas Gemas

Serangan Jepun bermula dari arah utara ke selatan melalui Kedah. Dalam pertempuran di Jitra, pasukan tentera British India telah dimusnahkan (seramai 20 orang askar terbunuhi). Selepas itu pada 19 Disember, 1941 Pulau Pinang jatuh ke tangan Jepun diikuti Ipoh pada 27.12.41, Kuala Lumpur dan seterusnya. Tentera Jepun kemudiannya telah menuju ke Negeri Sembilan dengan menakluki Seremban pada 13.1.42, Tampin (14.1.42) dan seterusnya Gemas pada 15.1.42. Gemas yang terletak bersempadan dengan Johor telah memudahkan Jepun untuk mara ke arah selatan bagi menakluki Singapura yakni pusat pangkalan tentera British.

Bom pertama yang digugurkan di Gemas ialah di pejabat pos yang ada sekarang. Sasaran kedua Jepun ialah Klinik Kerajaan Gemas yang terletak disalah sebuah kedai di Jalan Tampin kini. Ada kemungkinan besar Jepun mengebom Klinik Kerajaan Gemas untuk menyekat penduduk Gemas mendapatkan rawatan di klinik tersebut.

Sebelum mengebom bangunan-bangunan di Gemas, mereka telah menggugurkan risalah-risalah dalam semua bahasa melalui kapal terbang. Risalah tersebut meminta semua orang pergi ke kawasan lapang dan bukannya masuk ke dalam rumah. Pada waktu yang sama juga tentera British telah membakar seluruh baris kedai yang terletak di Jalan Litang. Mereka membakar kedai-kedai tersebut kerana seseorang orang tempatan memberi sokongan dan maklumat kepada Jepun tentang kedudukan markas tentera British.<sup>(2)</sup>

Disamping itu, siren kecemasan Hawaii Jepun yang terletak di atap genting Stesen Keretapi Gemas akan dibunyikan pada waktu-waktu tertentu. Jika siren tersebut berbunyi maka semua penduduk Gemas harus berada di Padang Tembak yang terletak berhampiran dengan perumahan (quarters) Keretapi Tanah Melayu. Sesicapa yang engkar akan dipenggal atau ditembak.

Menurut para penduduk Gemas, tentera Jepun telah mara dari Gemencheh ke Gemas, pada pukul 4.00 pagi bersamaan 14.1.1941. Pihak British telah mengetahui akan kemaraan tentera Jepun tersebut. Oleh itu, persiapan rapi telah dibuat dengan menempatkan Batalion Australia ke 2/30 di bawah pimpinan Lt. Col. Gallogan. Mereka diarahkan menunggu kelibaan tentera Jepun tersebut di sekitar Jambatan Kayu Sg. Kelamah (jambatan yang menghubungkan Tampin-Gemas) untuk melancarkan serang hendap.<sup>(3)</sup>

Sebaik sahaja askar-askar Jepun melintasi jambatan, tentera Batalion Australia telah meletupkan jambatan itu. Perbuatan meletupkan jambatan ini telah menyebabkan ramai tentera Jepun terkorban. Tujuan Infantry Australia meletupkan jambatan ini ialah untuk melambatkan perjalanan tentera Jepun untuk mara ke selatan (Singapura) dan seterusnya menakluki seluruh Malaya. Ramai tentera Jepun yang terkorban. Namun dengan berbekalkan semangat perjuangan yang kental dan tinggi maka sepasukan tentera Jepun yang lain telah dihantar dan tiba pada awal pagi bersamaan 15.1.1942 untuk menggantikan askar-askar yang cederai itu. Selain daripada itu, Jepun turut membuat serangan melalui udara. Akhirnya tentera Australia terpaksa berundur ke arah Segamat.<sup>(4)</sup>

Tentera Jepun berjaya meneruskan perjuangan mereka dan sampai di Gemas pada jam 6.00 pagi bersamaan 16.1.42. Setelah tentera Jepun sampai, para pekerja Keretapi Tanah Melayu telah melarikan diri untuk menyembunyikan diri. Dalam keadaan yang kelam kabut ini, Jepun menyangkakan bahawa para pekerja tersebut

yang lari itu sebagai tentera British. Tanpa berfikir panjang lagi, mereka pun menembak dan menikam pekerja-pekerja KTM tersebut. Mayat-mayat orang Inggeris dan India bergelimpangan di sekitar kawasan Stesen Keretapi. Dianggarkan lebih kurang 20 hingga 30 orang telah terkorban ketika itu. Sebagaimengenang mereka yang terkorban ini maka sebuah tugu telah dibina berhampiran dengan Kuil India di Gemas. (Sila rujuk pada gambar yang disertakan di bahagian kesan pendudukan Jepun.)

### Banjir Besar di Pekan Gemas

Banjir merupakan salah satu bencana alam yang sering berlaku di Pekan Gemas. Banjir yang berlaku pada tahun 1971 adalah yang paling serius. Ini disebabkan seluruh Pekan Gemas di banjiri air. Banjir ini berpunca dari hujan lebat yang turun mencurah-curah untuk beberapa hari. Paras air dianggarkan setinggi 2m hingga 4m. Antara tempat yang dibanjiri air ialah kedai-kedai, kawasan perumahan Keretapi Tanah Melayu dan di simpang jalan ke Kampung Tiong. Air yang membanjiri kedai-kedai telah menyebabkan peniaga di situ mengalami kerugian yang besar. Selain daripada itu, sistem perhubungan terut terputus.

Penduduk-penduduk di kawasan banjir kebanyakannya tidak sempat membuat apa-apa melainkan menyelamatkan diri sahaja kerana tidak menyangka yang paras air tersebut akan naik dengan begitu mendadak. Banyak binatang ternakan telah mati lemas dan dihanyutkan oleh air. Di samping itu, hasil tanaman penduduk dan tumbuhan-tumbuhan yang lain juga musnah kerana banjir dahsyat kali ini.

Mangsa-mangsa banjir kesemuanya telah dipindahkan ke Sek. Men. Tuanku Abdul Rahman dengan menggunakan sampan dan bot. Jawatankuasa banjir dan pasukan penyelamat telah menghulurkan bantuan kepada mangsa-mangsa tersebut seperti memberikan bantuan makanan, minuman dan pakaian serta lain-lain lagi. Bantuan tersebut kebanyakannya adalah sumbangan daripada pihak yang bersympati terhadap mereka yang mengalami kesusahan dan kesempitan.

Kira-kira lapan hari kemudian, air pun surut. Mangsa-mangsa banjir pun balik ke rumah masing-masing untuk membersihkan rumah atau kedai mereka yang kotor serta dipenuhi kelodak, sampah sarap serta lumpur.

### Kebakaran Kedai Tayar di Pekan Gemas

Pada 10hb. Februari 1986, satu kebakaran telah berlaku di Pekan Gemas. Kebakaran ini telah memusnahkan kedai tayar kepunyaan Lim Hock Seng. Kebakaran ini berlaku disebabkan oleh perbuatan kanak-kanak nakal yang bermain api berdekatan kedai yang menjual minyak tanah. Pemilik kedai yang berada di dalam kedai tidak menyedari tentang hal tersebut sehinggaalah seorang pelanggan dari kedai yang berhampiran memaklumkan kepadanya. Pemilik kedai itu juga tidak berkesempatan berbuat apa-apa melainkan melarikan diri sahaja.

Kebakaran itu bukan sahaja telah memusnahkan kedai tayar dan kedai minyak tanah, malah sebuah institusi kewangan Koperasi Belia Bersatu Berhad serta sebuah stor. Malah sebuah kedai kosong juga telah dimusnahkan.

Oleh kerana kebakaran ini berlaku di kedai tayar dan kedai minyak tanah, ini telah menyukarkan pasukan bomba untuk memadamkan api. Walau bagaimanapun pasukan bomba tidak berputus asa. Akhirnya api tersebut dapat dipadamkan selepas mereka bergelut selama lebih kurang 1 Jam. Apa yang menenangkan kita ialah walaupun kebakaran ini sangat serius tetapi tidak kehilangan nyawa dilaporkan.



Papan tanda ini terletak di Jalan Tampin-Gemas bersebelahan dengan Jambatan Sungai Kelamah. Jaraknya lebih kurang 0.1m dari Felda Sungai Kelamah. Ia merupakan satu kawasan sejarah Perang Dunia Ke-2. Ini disebabkan jambatan ini pernah digunakan oleh tentera Australia untuk membuat serangan hendap tentera Jepun pada 14 Januari 1942.

Pada 14.1.42 anggota Pasukan 2/30 Australia Infantry Battalion telah siap sedia menunggu kemaraan tentera Jepun dari arah Gemencheh. Sebaik sahaja angkatan tentera Jepun sampai ke jambatan ini, mereka telah meletupkannya. Ramai askar Jepun terkorban. Namun begitu, dengan berbekalkan semangat perjuangan yang tinggi dan kental maka akhirnya satulagi pasukan dihantar ke sini dan mereka berjaya memaksa tentera Australia tersebut berundur ke selatan. Tentera Jepun akhirnya berjaya sampai dan menakluki Gemas pada 15.1.1942.



KUBUR BURUH K.T.M.

Kubur ini terletak lebih kurang 0.1km dari Kuil India, Gemas. Kubur ini merupakan tugu yang dibina bagi memperingati sumbangan bakti para pekerja India yang telah dibunuh oleh tentera Jepun secara beramai-ramai pada 15.1.1942. Mengikut kajian, mereka dibunuh kerana enggan bekerjasama dengan pihak pemerintah Jepun. Didapati sekurang-kurangnya 20 orang buruh India telah terkorban dalam nahas tersebut.



#### TAPAK PERUMAHAN PEGAWAI BRITISH

Rumah pegawai British di Jalan Railway Quarters ini terletak berhampiran dengan rumah Pegawai KTM, Gemas.

Rumah pegawai British tersebut telah dibom oleh tentera Jepun. Ledakan bom ini telah memusnahkan kebanyakan bahagian rumah tersebut sehingga meninggalkan tiang pintu depannya sahaja.


Daripada hasil temuramah, didapati pegawai British dan keluarganya telah disiksa dengan kejam sebelum rumah mereka dimusnahkan.



### LAPANGAN TERBANG KAMPUNG TIONG

Lapangan terbang ini dibina oleh British. Ia berfungsi sebagai tempat latihan penerbangan para tentera British dan sekutunya sebelum pendudukan Jepun di Tanah Melayu.


Tempat ini menjadi tempat pendaratan kapal terbang, helikopter dan lain-lain pengangkutan udara apabila latihan perang diadakan. Bunyi letupan bom, dan tembakan sering juga kedengaran oleh penduduk Kampung Tiong sewaktu latihan tersebut dijalankan.



#### TUGU KERETAPI TANAH MELAYU

Tugu ini terletak berhampiran dengan Kelab Sukan, K.T.M. ia dibina semasa pemerintahan Jepun untuk mengenang jasa askar-askar Jepun yang terkorban semasa serang hendap dengan pasukan 2/30 Australia Infantry Batalion pada 14.1.1942. Mereka dikebumikan di sini selepas sehari Jepun menakluki Gemas.

Keluarga askar-askar Jepun tersebut akan menziarahi kubur mereka setiap 5 tahun. Kali terakhir mereka menziarahi kubur tersebut ialah pada tahun 1991. Oleh itu, kemungkinan mereka akan datang pada tahun hadapan pula.



### JAMBATAN KAMPUNG TIONG

Panjangnya jambatan ini ialah kira-kira 80 meter. Ia menghubungkan Negeri Sembilan Darul Khusus dengan Johor Darul Takzim. Jambatan ini telah diletupkan oleh Pasukan 2/30 Infantry Australia Batalion dengan kerjasama penduduk tempatan di antara 15 hingga 18hb Januari 1942 semasa pasukan ini berundur ke Segamat apabila diserang oleh tentera Jepun. Ia diletupkan untuk melambatkan kemaraan dan serangan Jepun ke arah Selatan.

Sebenarnya ini merupakan serang hendap yang kedua yang dilakukan oleh Infantry Australia ini. Serang hendap yang pertama Infantry Australia ini ialah di jambatan Sungai Kelamah-Gemencheh pada 14hb Januari 1942.

## RUMUSAN

Bersyukur kami kehadrat Illahi kerana telah memberi semangat, kesabaran dan ketabahan untuk menyempurnakan kajian ini. Kami juga berasa bangga kerana dapat mengenali, mengetahui dan memahami perkembangan Gemas dengan lebih dekat lagi. Justeru itu, kami telah 'jatuh cinta' padanya di saat-saat akhir ini.

Selain daripada itu, kami berasa sungguh bertuah kerana mendapat pengalaman sacara langsung dalam menjalankan kajian tempatan ini. Sungguhpun pada mulanya kami berasa sungguh penat, lesu da bosan kerana tidak mencapai hasrat kami terutama dalam sesi temuramah atau temujanji namun kami bejaya jua pada akhirnya. Kesemua ini merupakan berkat kesabaran, kecekalan dan ketabahan yang kami pelajari dalam menghadapi pelbagai kerenah dan gelagat setiap insan.

Selain daripada itu, kami juga berpeluang mengenali lebih ramai penduduk Gemas terutama warga tua yang begitu bersemangat dan sabar dalam menjawab setiap persoalan yang dikemukakan. Kami juga berkesempatan mempelajari cara-cara bertutur dan menemuramah jenis-jenis insan yang memang berbeza dari segi darjah. Kesemua daptan ini membuatkan kami terpaksa berfikir dan bersoal untuk mengetahui dengan lebih lanjut lagi akan sesuatu peristiwa yang berlaku di Gemas.

Banyak pengetahuan yang telah kami perolehi menerusi kajian ini. Antaranya kami dapat mengenali dan mengetahui tempat-tempat bersejarah yang terdapat di sekitar Gemas, perbandingan Gemas sejak ditubuhkan sehingga kini, mengetahui siapakah pengasas Gemas dan sebab-sebab beliau membuka Gemas, bagaimana Gemas mendapat namanya serta beberapa peristiwa bersejarah yang berlaku di Gemas.

Walaupun Gemas semakin hari kian berkembang tetapi ia masih banyak ketinggalan berbanding dengan pekan-pekan atau bandar-bandar yang berhampir seperti Tampin, Gemencheh mahupun Segamat. Oleh itu, kami berharap benar pihak-pihak berkenaan dapat menyediakan serta melengkapi kekurangan-kekurangan yang ada. Adalah menjadi harapan besar kami agar suatu hari nanti Gemas akan bertanding dengan pekan atau bandar yang disebutkan di atas dan seterusnya mencapai taraf bandar atau bandaraya di hari muka.

Akhir sekali diharapkan penulisan kami dapat menambahkan lagi pengetahuan sejarah tempatan negara kita. Semoga penulisan ini sedikit sebanyak dapat mengisi kekosongan yang timbul terutamanya dalam aspek penulisan sejarah tempatan kerana tidak banyak penulisan sejarah tempatan yang terdapat di negara kita hingga ke hari ini. Mudah-mudahan kemunculan penulisan ini dapat memberi manfaat dan sedikit sumbangan pada bidang kajian tempatan di negara kita.

**BIBLIOGRAFI****A) TEMURAHAMAH DENGAN ORANG SUMBER**

1. Nama : Lim Pohj Chin @ Lam Chin  
No. K/P : 5735320  
Umur : 70 tahun  
Alamat : 14, Jalan Batu Annam, 73400 Gemas,  
Negeri Sembilan Darul Khusus
2. Nama : Ong Lay Yen  
No. K/P : 1271429  
Umur :  
Alamat : 15, Gerai perhentian Bas Lama, 73400 Gemas,  
Negeri Sembilan Darul Khusus
3. Nama : Romlah Mahmud  
No. K/P : 2494218  
Umur : 49 tahun  
Alamat : 69 A, Blok 7, Rumah Rakyat, 73400 Gemas,  
Negeri Sembilan Darul Khusus
4. Nama : Lim Sing Fong  
No. K/P :  
Umur : 49 tahun  
Alamat : 35, Kampung Tiong, 73400 Gemas,  
Negeri Sembilan Darul Khusus

**B) KERATAN AKHBAR**

1. Sin Chew Jit Poh, 11.4.93
2. Sin Chew Jit Poh, 13.3.93

**C) ARTIKEL/RENCANA**

1. Lim Kah Siong, "Sejarah Ringkas gemas" dalam majalah Cenderamata Semepna Hari Ulang Tahun Yang Ke-50 S.R.J.K. @ Kuo Min, Gemas, h. 159-164

2. Jame a/l Moorthy, "Sejarah Serangan Jepun Ke Atas Gemas", dalam SETARA, Kuala Lumpur, Penerbitan Seri Kota, 1992, h. 83-84

3. Azlina Ibrahim dll., "Kepala Keretapi", dalam SETARA, Kuala Lumpur, Penerbitan Seri Kota, 1992, h. 82

**D. BUKU**

1. Willmott H.P., Empire in The Balance: Japanese And Allied Pacific Strategies To April 1942, London: Orbis Publishing 1982.

2. Khoo, Gilbert, Sejarah Malaysia Bagi Tingkata Dua, Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka, 1978.

**E. DOKUMEN**

1. Fail Pejabat Daerah Tampin  
No. Fail: 3/46  
Bil. : 1946  
Tajuk: Occupation of Gemas English School By Military

2. Fail Pejabat Daerah Tampin  
No. Fail: 18/45  
Bil.: 1945  
Tajuk: Rest House Tampin & Gemas